

MRT Corp serah pakej bawah tanah

MASS Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) memberi pakej bawah tanah laluan Sungai Buloh-Kajang MY Rapid Transit (MRT) kepada konsortium terdiri daripada MMC Corp Bhd dan Gamuda Bhd (MMC-Gamuda JV).



Keputusan itu dibuat mesyuarat Jawatankuasa Pemerolehan Sehenti (OSPC) dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, Isnin lalu.

"Kami komited memastikan kejayaan projek MRT dan projek itu perlu disiapkan dalam masa disasarkan," kata Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Azhar Abdul Hamid.